

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
AJARAN AHMADIAH / QADIANI**

1. TAJUK PERSOALAN

Kertas ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk perakuan dan pengesahan mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Undang-undang / Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 25 November 1975 mengenai ajaran Ahmadiyah / Qadiani. Oleh itu, pihak Jawatankuasa telah diminta mengeluarkan keputusan untuk mewartakan golongan ini berdasarkan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Ajaran Qadiani di asaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad Qadiani di India pada tahun 1889. di Malaysia ia dipercayai bertapak pada tahun 1930an di Batu 20, Jeram, Kuala Selangor yang merupakan antara pusat aktiviti terbesar mereka. Pada 15 Disember 1953 telah diadakan perbahasan antara kumpulan ini dengan para alim ulama' di hadapan DYMM Sultan Selangor. Hasil perbincangan memutuskan pengikut ajaran Qadiani tidak diiktiraf sebagai orang Islam malah terkeluar dari Islam.

2.2 Ekoran dialog tersebut, perkembangan mereka semakin lumpuh sehingga kini hanya satu pusat iaitu No 11A, Jalan Nakhoda Kanan, Kampung Nakhoda Batu Caves Selangor yang masih bergerak aktif mengadakan aktiviti seperti solat Jumaat, Perhimpunan Antarabangsa dn penerbitan risalah.

2.3 Antara ciri-ciri ajaran Qadiani ialah :

a) Mirza Ghulam Ahmad mendakwa :

(i) Sebagai Nabi menerima wahyu

- (ii) Imam Mahdi
- (iii) Isa al-Masih
- (iv) Mempunyai mukjizat
- (v) Para Nabi menyaksikan dirinya
- (vi) Malaikat sebagai pancaindera Tuhan

- b) Ibadah Haji di Qadiani, India
- c) Menafikan Jihad
- d) Mengubah ayat-ayat al-Quran

3. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang mu'tabar dan mengambil keputusan seperti berikut:

“ Atas maksud peng wartaan Jawatankuasa Fatwa kali 4/98 memutuskan dan mengesahkan keputusan Jawatankuasa Undang-Undang / Fatwa 1975 iaitu :

Ajaran Qadiani adalah satu ajaran yang menyalahi dari ajaran agama Islam yang sebenarnya. Pengikut-pengikut ajaran Qadiani ini telah dihukumkan kafir oleh ulama'-ulama' Islam serata dunia. Jabatan Ugama Islam Selangor telah menghukumkan kafir kepada pengikut-pengikut Qadiani yang berpusat di Batu 20 Jeram, Kuala Selangor pada 15 disember 1953 setelah mereka dibicarakan di Istana Kuala Lumpur di hadapan DYMM Sultan Selangor serta beberapa oranmg alim ulama' di Negeri Selangor. Setiap orang yang telah menjadi penganut ajaran Qadiani adalah mereka telah Murtad (keluar dari Ugama Islam) maka wajiblah dituntut mereka bertaubat kembali kepada Islam dengan mengikrar dua kalimah syahadat. Jika mereka enggan bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, maka hendaklah dibunuh akan dia oleh Imam yakni Raja. Mayatnya tiada boleh dimandikan, tiada boleh disembahyangkan dan tiada boleh ditanam di perkuburan orang-orang Islam. Lihat Khasyiah Bajuri ala Ibni Qasim juzuk (2) muka 258. **Oleh kerana hukuman Islam ini tidak dapat dilaksanakan maka Jawatankuasa Fatwa ini mengesyorkan :**

- (i) Lucutkan mereka dari segala hak-hak Melayu kerana mereka sudah keluar dari erti Melayu menurut Perlembagaan Persekutuan dibawah fasal 160 tafsir.

- (ii) Tarik semula daripada mereka segala hak-hak Melayu yang telah diperolehinya seperti tanah "Rizab Melayu" yang telah dimilikinya. Melayu ertinya seorang yang menganut agama Islam lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat melayu.